

**SOALAN NO: 404**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** Bukan Lisan  
**DARIPADA :** Ir. Shaharuddin bin Ismail  
[ Kangar ]  
**TARIKH :** -  
**SOALAN :** 404

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah statistik terkini oleh Kementerian dalam menangani kes-kes berkaitan jangkitan atau sebaran virus yang diakibatkan oleh sikap segelintir ibu bapa yang menolak pemberian suntikan vaksin kepada anak-anak mereka.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pemantauan kes penolakan vaksin di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dimulakan sejak tahun 2013. Bilangan kes-kes yang menolak vaksin di kalangan ibubapa meningkat dari 637 kes pada 2013 kepada 918 kes pada tahun 2014, 1,541 pada tahun 2015, 1,603 pada tahun 2016 dan 1,404 pada tahun 2017. Sehingga hari ini jumlah kes menolak vaksin adalah 6,103 kes. Data ini hanyalah sebahagian dari data yang berjaya dikumpul dari fasiliti Kesihatan KKM sahaja dan tidak menggambarkan situasi sebenar yang berlaku dalam negara kita.

Untuk makluman YB Kangar, walaupun terdapat tren peningkatan kes beberapa penyakit cegahan vaksin dalam tempoh tiga (3) hingga empat (4) tahun lepas di Malaysia, tetapi tren peningkatan ini bukanlah hanya disebabkan faktor gerakan antivaksin. Banyak faktor yang saling berkait menyebabkan situasi ini berlaku seperti peningkatan warga asing yang tidak menerima vaksinasi, kurang kefahaman kaedah mencegah penularan penyakit di kalangan masyarakat, kelewatan mendapatkan rawatan, kelemahan dalam aspek pengurusan kes serta kontak dan lain-lain.

KKM telah memulakan kempen menangani antivaksin di seluruh negara bagi tempoh 5 tahun (2016 hingga 2020). Di antara strategi yang dilaksanakan untuk menangani kumpulan antivaksin adalah;

- a) Menjalankan kempen berkala sepanjang tahun serta sambutan minggu imunisasi pada minggu keempat bulan April dengan kerjasama lain-lain pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan. Sebagai contoh kerjasama bersama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dalam jelajah kesihatan bersama JAKIM dalam mengadakan forum imunisasi di negeri-negeri serta kerjasama bersama persatuan Immunise4Life dan *Malaysian Paediatric Association* (MPA) dan *Malaysian Society of Infectious Disease Chemotherapy* mempromosi imunisasi dengan mewujudkan laman sesawang [www.immunise4life.my](http://www.immunise4life.my). untuk kempen imunisasi.
- b) Meningkatkan kerjasama lain-lain agensi mengenai imunisasi terutama semasa pra-pendaftaran ke pusat asuhan, pra-sekolah, taska, tadika dan sekolah.

- c) Mengeluarkan kenyataan bersama dengan JAKIM, menjelaskan isu keraguan status halal terhadap vaksin dan fatwa program imunisasi mengikut negeri. Kenyataan akhbar dari KKM turut disiarkan untuk memberitahu masyarakat gambaran sebenar tentang keperluan imunisasi.
- d) Menjalankan kaunseling individu atau berkumpulan kepada ibubapa atau penjaga yang menolak vaksinasi serta sebab penolakan vaksinasi. Penjaga atau individu yang telah dikenalpasti akan diberikan kaunseling individu atau berkumpulan untuk memujuk mereka menerima vaksinasi.
- e) Menyediakan informasi berkaitan vaksin dan imunisasi dalam pelbagai medium. Risalah berkaitan jadual imunisasi dan kepentingan vaksinasi bertujuan memberi perlindungan dari penyakit–penyakit cegahan vaksin juga diedar kepada masyarakat. (melalui fasiliti kesihatan atau semasa kempen/ Portal MyHealth/ Info Sihat)

**Tuan Yang DiPertua,**

KKM akan terus berusaha memperkuatkan sistem penyampaian kesihatan dan memperkasakan masyarakat untuk sama-sama bertindak menangani isu-isu berkaitan vaksin dan imunisasi.